

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 MEI 2014 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Malaysia miliki stesen pemantauan Radionuklid	Utusan Malaysia
2	Selangor braces for El Nino	The Sun
3	Strong quake hits west coast of Sumatra	The Sun
4	Hala tuju industri gaharu tempatan	Utusan Malaysia
5	Financing opportunities	The Malay Mail

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALAM MEGA) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 19 MEI 2014 (ISNIN)

Malaysia miliki Stesen Pemantauan Radionuklid

MALAYSIA boleh berbangga memiliki kemudahan pengesanan radioaktif yang boleh dimanfaatkan dengan wujudnya stesen Stesen Pemantauan Radionuklid RN42 (CTBT) di Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang.

Stesen tersebut mula beroperasi sejak 4 November 2008 dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Malaysia yang membenarkan stesen RN42 ditempatkan di Stesen Meteorologi Cameron Highland sekaligus membantu Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dalam persampelan.

Menurut kenyataan Nuklear Malaysia, stesen tersebut dilengkapi dengan peralatan pengesanan radioaktif berkeupayaan mengukur keradioaktifan pada tahap rendah yang hampir dengan bacaan latar belakang.

"Peralatan stesen ini terdiri dari alat persampelan udara berisi padu tinggi, sistem pengesanan pembilang gama dan sistem komputer.

Peralatan lain termasuk sistem komunikasi menggunakan satelit yang menghantar data ke Pusat Data Antarabangsa (IDC), Suruhanjaya Triti Pengharaman Ujian Nuklear secara menyeluruh (CTBTO) berpusat di ibu

pejabatnya di Vienna, Austria," kata kenyataan tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Ewon Ebin bersama 100 ahli rombongan buat julung kalinya melawat stesen tersebut baru-baru ini.

Beliau diiringi Ketua Pengarah Nuklear Malaysia, Datuk Dr. Muhamad Lebai dan Pengarah Bahagian Perancangan dan Antarabangsanya, Dr. Noriah Jamal.

Lawatan tersebut bertujuan memantau proses gerak kerja keselamatan penggunaan tenaga nuklear dalam mahu pun luar negara, selain mengeratkan lagi hubungan antara Nuklear Malaysia dan MOSTI.

Sementara itu, rombongan tersebut juga melawat Stesen Meteorologi yang lokasinya bersebelahan dengan stesen tersebut. Ia turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail.

Lawatan tersebut memberikan pendedahan bahawa jaminan keselamatan penggunaan tenaga nuklear di negara ini amat dititik beratkan sekaligus menolak dakwaan negatif yang di lemparkan segelintir masyarakat.



EWON Ebin (dua dari kiri) diberi penerangan bagaimana sampel air berfungsi yang menyedut partikel debu pada alat yang terdapat Stesen Pemantau Radionuklid oleh Dr. Noriah Jamal.

Selangor braces for El Nino

SHAH ALAM: The Selangor government has taken steps to ensure that there will be sufficient water supply in the state and Klang Valley for six months when the El Nino phenomenon hits the country.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim said the state government had already exercised the Hybrid Off River Augmentation System (Horas) project to increase raw water supply.

"If we get El Nino conditions in June, July and August, we can provide enough water for the period because water reserves can accommodate up to six months," he told reporters after launching the cycling event, Shah Alam Enduride 2014, here, yesterday.

The Malaysian Meteorological Department has predicted the country would experience a dry season from June until September this year.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (BRIEFS) : MUKA SURAT 08
TARIKH: 19 MEI 2014 (ISNIN)

**STRONG QUAKE HITS WEST
COAST OF SUMATRA**

KUALA LUMPUR: A strong earthquake measuring 6.1 on the Richter scale hit the West Coast of North Sumatra, Indonesia, at 9.02am yesterday. A statement from the Malaysian Meteorology Department yesterday said the epicentre of the quake was at 307km south-west of Banda Aceh, Indonesia, and 817km south-west of Langkawi, Kedah. The earthquake did not cause any tsunami threat. – Bernama

Hala tuju industri gaharu tempatan

Banyak isu masih perlu diberi perhatian

A MALAN masyarakat terdahulu yang suka menggunakan gaharu untuk dijadikan bahan pewangi tidak dinafikan.

Kini, gaharu tidak lagi dibakar untuk mendapatkan baunya yang wangi, malah ia tidak lagi merupakan produk sampingan yang diperdagangkan.

Penghasilan pati minyak gaharu telah menjadikan produk tersebut bernilai tinggi dan mendapat permintaan yang tinggi terutamanya di negara-negara Timur Tengah.

Sebelum ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Technology Park Malaysia (TPM) pernah mengadakan Seminar Gaharu Kebangsaan bagi membincangkan hala tuju komoditi bernilai tinggi tersebut baru-baru ini.

Laporan KHAS Mega

Pengerusi seminar, **Profesor Dr. Mohd. Hamami Sahri** berkata, seminar itu merupakan kesinambungan daripada Seminar dan Pameran Gaharu 2010 bertujuan mendapatkan maklumat terkini bagi tujuan pengembangan dan pengetahuan semasa mengenai isu-isu yang berkaitan.

"Antara isunya adalah kaedah penanaman, rangsangan penghasilan gaharu dan kaedah tepat pengedaran gaharu.

Menurut Presiden Persatuan Pengusaha Gaharu Bumiputera Malaysia (Pengharum), **Datuk Dahlan Taha**, ekosistem pemasaran gaharu terbahagi hampir 13 stesen atau lebih melibatkan pemungut, penjual, pengilang dan juga pengguna.

Malah katanya, rantaian pemasaran tersebut akan bertambah apabila wujudnya sistem pengedaran.

"Biar pun kita akui faktor pengedaran produk gaharu bakal menyebabkan jaringan pemasaran produk ini akan bertambah kompleks, namun sistem tersebut tidak dapat dielakkan.

"Ini kerana hasil gaharu yang diperolehi tidak sama biarpun didapati daripada sebatang pokok karas yang sama," katanya.

Jelas Dahlan, produk gaharu juga bergantung kepada permintaan pasaran yang berbeza.

"Ada sesetengah pelanggan yang mahukan bau tertentu dan memerlukan keserasian.

"Tidak bermakna minyak gaharu yang tidak menepati cita rasa sesetengah pelanggan itu merupakan gaharu gred rendah," katanya lagi.

Oleh yang demikian, jelasnya satu sistem khas pengedaran gaharu perlu dibangunkan bagi menetapkan harga serta memudahkan produk tersebut dipasarkan.

Malah, penyeragaman gred gaharu serta kewujudan pusat sehati bagi produk tersebut amat diperlukan bagi memastikan harga serta nilai sebenar gaharu tidak dieksploitasi.

Selain harga gaharu mudah dieksploitasi, pengusaha gaharu juga turut berdepan dengan pengeluaran haram gaharu yang sering dilakukan oleh sekumpulan penceroboh yang dipercayai dilakukan oleh rakyat negara jiran.

Sejak tahun 2002 sehingga 2003 dicatatkan hampir 50 pendatang asing berjaya ditahan kerana menceroboh

ANTARA produk berasaskan gaharu yang dihasilkan penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Taman Negara kerana mengeluarkan kayu gaharu secara haram.

Bagi mengimbangi keperluan yang semakin meningkat berbanding pokok gaharu yang semakin berkurangan dalam hutan negara, pelbagai pihak tampil dengan kaedah perladangan gaharu.

Perladangan gaharu membolehkan tekanan pengeluaran terhadap gaharu liar dapat dikurangkan.

Produk sampingan tersebut

menunjukkan pokok gaharu memiliki pelbagai kegunaan dan bukan hanya mampu menghasilkan gaharu yang harum.

Pembantu penyelidik, Fakulti Perhutanan, UPM, **Ismail Mohammad** berkata, nilai daun gaharu yang boleh dikomersialkan sebagai produk kesihatan bagi 10,000 batang pokok mampu mencecah RM36,000 setahun.

"Jika diambil cuma 0.3 kilogram (kg) bagi setiap pokok, bagi ladang yang memiliki 10,000 batang pokok anda sudah boleh menikmati pendapatan hampir RM3,000 sebulan.

"Malah, produk minuman kesihatan berasaskan daun pokok gaharu ini mendapat permintaan yang tinggi di luar negara terutamanya negara-negara seperti Korea dan Taiwan," katanya.

Pengurusan Penanaman pokok karas

→ Pokok karas sesuai ditanam di kawasan dataran rendah dan pergunungan pada ketinggian 0-750 meter (m) dari aras laut.

→ Purata taburan hujan kurang dari 2,000 sentimeter (cm) setahun dan suhu paling sesuai adalah antara 27-32 darjah celsius dan cahaya matahari antara 45 dan 70 peratus.

→ Pertumbuhan mampu mencapai ketinggian antara 25 dan 40 m dan diameter antara 60-80 cm pada umur lilit.

→ Tanah yang sesuai adalah dari jenis lempung dan liat berpasir dan pH tanah antara 4 - 6.

→ Manakala penanaman boleh dijalankan di tanah persendirian, hutan simpan dan tanah kerajaan melalui dua kaedah tanam iaitu:

a) Kaedah monokultur

→ Tanam ini dilaksanakan dengan jarak tanam 3 x 3m dengan jumlah sebanyak antara 1,000 dan 13, 000 pokok sehektar. Ada juga yang ditanam dengan jarak tanam 2 meter x 2 meter dengan jumlah yang boleh mencecah 1,600 batang pokok sehektar.

b) Kaedah tanam selingan

→ Pokok karas juga boleh ditanam di bawah pokok-pokok yang lain yang berumur antara lima dan lapan tahun seperti di ladang kelapa sawit, ladang getah, ladang kopi, ladang acacia secara tanam berselang.

Penghasilan minyak gaharu

→ Minyak gaharu boleh dihasilkan dengan dua kaedah iaitu kaedah penyulingan stim dan kaedah penyulingan air.

→ Kaedah penyulingan stim adalah yang paling efektif dengan menghasilkan minyak yang banyak.

→ Proses dimulakan dengan kayu gaharu dirak halus dan kecil kemudian direndam selama beberapa hari sehingga sel parenkima dan kelenjar minyak hampir terasing.

→ Kepingan kecil gaharu itu dimasukkan ke dalam dapur khas dan direbus bersama air dan akan disuling di dalam kelalang Clavenger selama enam jam dan setiap peringkat penghasilan minyak yang berlainan warna akan diambil dan digredkan.

→ Kaedah penyulingan air adalah paling mudah tetapi penghasilan minyak gaharu adalah di tahap minimum.

→ Dihasilkan menggunakan penyuling kayu gaharu ini akan dimasak selama empat atau lima hari sehingga minyak gaharu terhasil.

→ Di Malaysia, pengusaha besar-besaran telah berubah menggunakan teknik penyulingan stim daripada penyulingan air kerana proses yang lebih mudah dan kos yang rendah.

Fakta harga gaharu

Gred Gaharu	Harga sekilogram
Gred A Super	RM 25,000
Gred A	RM 20,000
Gred B	RM 18, 000
Gred C	RM 15, 000
Gred D	RM 8,000
Gred E	RM 3,000
Lain-Lain Gred	RM 500 - RM 1, 000
Gaharu Racik	RM 5 - RM 100

Financing opportunities for technopreneurs in Penang

KUALA LUMPUR — Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) will hold its first open day in Penang, offering financing opportunities for technopreneurs and technology companies based in the northern states.

The event, MDV Tech Funding Day, will be held in collaboration with the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)

and Universiti Sains Malaysia (USM) on May 21 at Sains@USM.

The Open Day aims to provide opportunities to technopreneurs and young start-ups across the technology sector to learn about funding opportunities, current economy and business outlook from agencies such as CREST, SME Corp, Bank Negara Malaysia,

NCIA and more.

"Companies in ICT, biotech, green tech and high growth sectors will gain knowledge and insights on MDV's financing schemes, applications, consultancy and advisory as well as other support services," MDV said in a press statement.

The full day event will also feature a mini

exhibition by successful technopreneurs and companies, showcasing their products and services.

Participants may also attend one-to-one consultations with MDV and other agencies to enquire specific requirements and information about the financing schemes to fulfil their financial capital needs.